



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

SIARAN MEDIA

"645 PEGAWAI DAN KAKITANGAN KPWKM TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KPWKM 2014"

PUTRAJAYA, 10 MAC 2015 - Seramai 645 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) diraikan pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Putrajaya *International Convention Centre*, (PICC).

Majlis diadakan bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan Kementerian terhadap anggota Perkhidmatan Awam khususnya kepada warga KPWKM yang telah menghasilkan kualiti perkhidmatan yang cemerlang dan memenuhi kehendak kumpulan sasaran.

YB Dato' Sri Rohani berkata, pegawai dan kakitangan KPWKM perlu terus mempertingkatkan lagi usaha, prestasi kerja dan mutu penyampaian perkhidmatan di KPWKM dengan bersaing secara sihat melalui penambahbaikan, berinovasi, sentiasa berusaha melakukan perubahan secara berterusan dan memberi manfaat kepada rakyat.

"Warga KPWKM perlu sentiasa bersiap siaga untuk berhadapan dengan apa jua situasi yang dijangkakan atau di luar jangkaan. Pada masa kini, ekspektasi dan kehendak rakyat terhadap mutu perkhidmatan awam sangat tinggi dan sofistikated. Justeru, kerajaan memerlukan penjawat awam yang mempunyai kemahiran berfikir atau '*the thinking public service*' bagi merealisasikan dasar-dasar dan agenda transformasi kerajaan yang telah disebar luas dan diketahui oleh rakyat" kata Rohani.

Beliau turut mengingatkan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kerja, pegawai dan kakitangan KPWKM tidak harus lupa akan kebajikan diri dan keluarga atau '*Work Life Balance*'. Ini bagi memastikan tanggungjawab dilaksanakan secara seimbang terhadap kerja, keluarga, diri sendiri dan masyarakat agar kesejahteraan keluarga dan kualiti hidup dapat dinikmati oleh semua.

Bagi mengimbangi tuntutan '*Work Life Balance*' ini, Kementerian bakal melaksanakan projek perintis '*Flexi Working Arrangement*' kepada pegawai dan kakitangan KPWKM bermula pada 15 Mac ini. '*Flexi Working Arrangement*' ini memberi kemudahan dan kelebihan kepada pegawai dan kakitangan wanita khususnya kerana dapat mengimbangkan kehendak tugas pejabat dan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu agar dapat mengekalkan prestasi dan kecemerlangan individu serta organisasi.

Turut hadir sama pada majlis tersebut ialah YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Dato' Norsham Rahin, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM dan pegawai - pegawai kanan KPWKM.

####

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
No.55, Persiaran Perdana, Precint 4,
Putrajaya

Tarikh : 10 Mac 2015